

Inai Menurut Perspektif Hadis dan Sains

Mohd Farhan Md Ariffin¹
Muhammad Remy Othman²
Khadher Ahmad³
Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff⁴

ABSTRAK

Inai merupakan sejenis tumbuhan yang cukup dikenal dalam kalangan masyarakat Melayu. Ia lazim digunakan sebagai agen pewarna dan penaik seri pengantin dalam acara perkahwinan tradisional. Walau bagaimanapun, fungsi dan potensi inai adalah jauh lebih signifikan. Bertitik tolak daripada itu, artikel ini bertujuan untuk menonjolkan perspektif inai dan manfaatnya dalam khazanah ilmu Islam. Analisis dilakukan dengan merujuk khusus kepada kitab-kitab hadis dan kajian saintifik mengenai inai. Hasilnya boleh dimanfaatkan untuk melebarkan peranan inai dalam masyarakat dan meneroka pasaran komersial yang lebih global untuk inai.

Kata kunci: *inai; hadis; ulama; saintifik; manfaat*

ABSTRACT

Henna is a plant that is quite known among the Malay community. It is commonly used as a dyeing agent and bridal grooming party in traditional wedding events. However, the function and potential of henna are far more significant. Quite the contrary, this article aims to highlight the perspective of henna and its benefits in the treasures of Islamic studies. The analysis is done with particular reference to the books of hadith and the scientific studies of henna. The results can be leveraged to expand the role of henna in society as well as exploring commercial market for henna globally.

Keywords: *henna; hadith; ulama; scientific; benefits*

-
- ¹ Mohd Farhan Md Ariffin (PhD), Pensyarah Kanan, Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor, Malaysia.
² Muhammad Remy Othman (Calon PhD), Pengarang penghubung, Jabatan Al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. email: remy_um86@siswa.um.edu.my
³ Khadher Ahmad (PhD), Pensyarah Kanan, Jabatan Al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.
⁴ Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff (PhD), Professor, Jabatan Al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

PENDAHULUAN

Dalam masyarakat Melayu, inai merupakan tumbuhan yang lazim dikaitkan dengan elemen kosmetik ataupun penambah seri kecantikan dalam acara-acara tertentu. Namun, inai mempunyai peranan yang lebih besar daripada itu. Lebih awal, penyebutannya dalam hadis cukup untuk menyerlahkan sisi luar biasa inai. Dalam kitab-kitab tafsir, wujud tafsiran daripada pengkaji terkini terhadap ayat 5 surah al-Insan bahawa inai merupakan campuran 'kafura' yang akan diminum oleh ahli syurga di akhirat kelak.

Demikian, keistimewaan inai bukan hanya pada daunnya, ia juga boleh diminum serta digunakan untuk tujuan perubatan. Nabi Muhammad SAW turut pernah menggunakan inai dalam kehidupan baginda SAW. Walau bagaimanapun, tidak ramai yang menyedari akan fakta ini. Inai dianggap tumbuhan yang tidak berharga disebabkan tidak bernilai komersial. Populariti inai yang kurang berbanding delima, anggur dan kurma menjadikannya sekadar dipandang sepi oleh masyarakat.

METODOLOGI KAJIAN

Menyedari peri pentingnya, makalah ini memfokuskan pengkajian terhadap inai dari sudut pandang hadis, ulasan para ulama, manfaat dan kandungan saintifik yang terdapat di dalamnya. Analisis dilakukan terhadap hadis-hadis inai dalam *al-Kutub al-Sittah*. Melalui metode induktif dan deduktif, kajian menampilkan fungsi inai dari perspektif hadis dan manfaatnya menurut para ulama. Di samping itu, analisis kandungan turut dilakukan terhadap artikel saintifik bagi memperoleh data yang tepat berkaitan manfaat inai dari aspek sains.

INAI DALAM HADIS NABAWI

عَنْ أَبِي ذَرٍّ، عَنِ النَّبِيِّ قَالَ: إِنَّ أَحْسَنَ مَا عُصِرَ بِهِ الشَّيْبُ: الْحِنَاءُ، وَالْكَتَمُ

Terjemahannya: Diriwayatkan daripada Abu Dhar, daripada Nabi SAW bersabda: "Sesungguhnya yang terbaik untuk mengubah (mewarnakan) uban dengannya ialah inai dan katam (sejenis dengan inai)."⁵

Menurut kamus bahasa Arab, Rajah 1 *al-Hinna'* (الْحِنَاءُ) bermaksud sejenis tumbuhan yang dikenali ramai.⁶ Pohon inai mempunyai daun seakan-akan daun pohon delima. Ia mengeluarkan bunga putih seperti pohon anggur dan daripada daunnya boleh mengeluarkan warna merah sebagai pewarna (*khadab*).⁷

⁵ Muhammad Ibn 'Isa Ibn Sawrah al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, Kitab al-Libas, Bab Ma Ja'a fi al-Khadab, Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa Tawzi', 407, no. Hadis 1753; Sulayman Ibn al-'Asyath al-Sajistani, *Sunan Abu Dawud*, Kitab al-Tarajjul, Bab fi al-Khadab, Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa Tawzi', 750, no. Hadis 4205; Ahmad Ibn Syu'aib Ibn 'Ali, *Sunan al-Nasa'i*, Kitab al-Zinah Min al-Sunan, Bab al-Khadab bi al-Hina' wa al-Katam, Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa Tawzi', 770, no. Hadis 5077; 5078; 5079; 5080; 5081; 5082. Muhammad Ibn Yazid al-Qazwayni, *Sunan Ibn Majah*, Kitab al-Libas, Bab al-Khadab fi al-Hina', Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa Tawzi', 603, no. Hadis 3622.

⁶ Al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*, Misr: al-Matba'ah al-Misriyyah bi al-Azhar, 15: 95.

⁷ Shawqi Dif, et. al., *al-Mu'jam al-Wasit*, Jumhuriyyah Misr al-'Arabiyyah: Maktabah al-Shuruk al-Dawliyyah, 201; Ibrahim Md Kur, et. al., *al-Mu'jam al-Wajiz*, Misr: Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah, 174.



Rajah 1: Ilustrasi pohon inai dalam kamus.

Berkaitan *al-Katam*, al-Fayyumi mengatakan bahawa dalam kitab *al-Lisan* dan kitab-kitab perubatan, *al-Katam* (الكَتَمُ) merupakan satu jenis tanaman gunung yang terdapat di daerah Yaman. Ia mengeluarkan warna hitam seakan-akan kemerahan.⁸ Disebutkan di dalam kitab *'Awn al-Ma'bud*, mewarnakan rambut dan janggut (*khadab*) dengan gabungan kedua-duanya (inai dan katam) akan mengeluarkan warna di antara hitam dan merah. Inilah yang menjadi amalan Abu Bakar yang sering melakukan *khadab* dengan gabungan inai dan katam sepertimana hadis:⁹

حَدَّثَنَا ثَابِتٌ قَالَ: سُئِلَ أَنَسُ بْنُ مَالِكٍ عَنِ خِضَابِ النَّبِيِّ فَقَالَ: لَوْ شِئْتُ أَنْ أُعَدَّ شَمَطَاتٍ كُرًّا فِي رَأْسِهِ فَعَلْتُ، وَقَالَ: لَمْ يَخْتَضِبْ، وَقَدْ اخْتَضَبَ أَبُو بَكْرٍ بِالْحِنَاءِ وَالكَتَمِ، وَاخْتَضَبَ عُمَرُ بِالْحِنَاءِ بَحْنًا

Terjemahan: Daripada Thabit katanya: Anas Ibn Malik telah ditanya adakah Rasulullah SAW mewarnakan rambutnya (melakukan *khadab*)? Dia menjawab: “Sekiranya saya mahu mengira jumlah uban yang berada di rambut Nabi SAW, sudah tentu aku boleh lakukan. Dia berkata lagi: Rasulullah SAW tidak mewarnakannya. (Manakala) Abu Bakar pernah berkhadab dengan inai dan katam dan ‘Umar dengan inai sahaja (secara berasingan).”¹⁰

Walau bagaimanapun, al-Sindi berpandangan inai dan katam perlu digunakan secara berasingan. Jika digandingkan bersama, akan menghasilkan warna hitam yang dilarang penggunaannya untuk mewarnakan rambut dan janggut.¹¹ Sungguhpun demikian, al-Itaybi menyatakan mewarnakan rambut dan janggut dengan inai dan katam adalah harus secara

⁸ ‘Ali Ibn Adam Ibn Musa al-Itaybi al-Wallawy, *Sharh Sunan al-Nasa’i al-Musamma Dakhirah al-‘Uqba fi Sharh al-Mujtaba*, al-Mumlikah al-‘Arabiyah al-Sa’udiyah: Dalwal Barum lil Nashr wa al-Tawzi’, 38: 77.

⁹ *Ibid.* 38: 56.

¹⁰ Abu al-Husayn Muslim Ibn al-Hajjaj al-Qushairi al-Naysaburi, “*Sahih Muslim*,” dalam al-Mawsu‘at al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah, ed. Salih Ibn ‘Abd al-Aziz Al al-Shaykh, Kitab al-Fada’il, Bab Shaibah SAW, Riyadh: Dar al-Salam li Nashr wa al-Tawzi’, 2000, 1090, no. 6076.

¹¹ ‘Ali Ibn Adam Ibn Musa al-Itaybi al-Wallawy, *Sharh Sunan al-Nasa’i al-Musamma Dakhirah al-‘Uqba fi Sharh al-Mujtaba*, 38: 77.

mutlak sama ada dicampurkan bersama atau secara berasingan. Hanya *khadab* dengan warna hitam sahaja yang diharamkan.¹²

Berhubung takrifan, istilah “*khadab*” dalam hadis membawa maksud mengubah (mewarnakan) rambut yang ada di atas kepala dan janggut. Merujuk definisi *al-Khadab* di dalam *al-Qamus* dan *al-Fath*, ia memberi maksud yang sama iaitu mengubah uban yang terdapat di kepala dan janggut.¹³ Ibn Manzur pula menyatakan *khadab* ialah mengubah (mewarnakan) dengan menggunakan inai, katam (tumbuhan sejenis dengan inai) dan seumpama.

Dalam mengulas bab keizinan mengamalkan *khadab*, al-Fayyumi mengatakan salah satu cara untuk *khadab* ialah dengan inai (*hinna*) dan seumpamanya. Apabila melakukan *khadab*, warna (pada anggota badan) akan berubah kepada kemerahan, kuning atau seumpamanya. Setiap warna anggota yang berubah dipanggil *makhduh*. Al-Sahili menyebutkan bahawa ‘Abd al-Mutalib merupakan orang pertama yang melakukan *khadab* dengan warna hitam dalam kalangan masyarakat Arab.¹⁴

Mengulas kelompok hadis-hadis yang menyebutkan mengenai keharusan mengubah warna uban dengan inai dan katam, larangan mengubahnya dengan (pewarna) warna hitam serta perintah agar mewarnakan rambut dan janggut yang dipenuhi uban supaya berbeza dengan adat kaum Yahudi dan Nasrani. Justifikasinya, Nabi SAW melarang kaum Muslimin daripada mengikuti kaum Musyrikin dalam apa jua aspek baik adat atau kelakuan oleh kerana ia menyalahi kemuliaan Islam. *Khadab* (mengubah warna rambut dan janggut) merupakan perkara penting dalam Islam. Para ulama Usuluddin menghukum wajib perkara tersebut (*khadab*) selagimana tiada perkara atau keadaan yang boleh mengubah hukum itu kepada selainnya. Ahmad Ibn Hanbal turut memandang wajib perihal *khadab*.¹⁵

Disebutkan Nabi SAW tidak memiliki uban. Baginda SAW cuma memiliki rerambut-rerambut putih atas kepala dan janggutnya sebanyak 17 helai atau mungkin lebih dan mungkin kurang (sepertimana disebutkan dalam riwayat lain). Demikian, baginda SAW tidak memerlukan kepada mewarnakan keduanya. Inilah yang dikhabarkan Anas Ibn Malik melalui jalan periwayatannya.

عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ سِيرِينَ قَالَ: سَأَلْتُ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ: أَحْضَبَ رَسُولُ اللَّهِ قَالَ: إِنَّهُ لَمْ يَرِ مِنَ الشَّيْبِ إِلَّا قَلِيلًا

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Muhammad Ibn Sirin berkata: Aku telah bertanya kepada Anas Ibn Malik: “Pernakah Rasulullah SAW mewarnakan rambut baginda?” Jawab Anas: “(Tidak), Baginda tidak kelihatan beruban kecuali sedikit (iaitu di bahagian janggut kelihatan beberapa helai rambut putih)”.¹⁶

Namun begitu, timbul sedikit kesamaran antara hadis di atas dengan hadis Ummu Salamah dan Abu Rimthah. Hadis di bawah pula menyebutkan Nabi SAW pernah mewarnakan rambutnya dengan inai dan katam.

¹² *Ibid.* 38: 79.

¹³ *Ibid.* 38: 54.

¹⁴ *Ibid.* 38: 55.

¹⁵ *Ibid.* 38: 57.

¹⁶ Abu al-Husayn Muslim Ibn al-Hajjaj al-Qushairi al-Naysaburi, “*Sahih Muslim*,” dalam al-Mawsu‘at al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah, ed. Salih Ibn ‘Abd al-Aziz Al al-Shaykh, Kitab al-Fada’il, Bab Shaibah SAW, Riyadh: Dar al-Salam li Nashr wa al-Tawzi’, 2000, 1090, no. Hadis 6075.

عَنْ عُثْمَانَ بْنِ مَوْهَبٍ قَالَ: دَخَلْتُ عَلَى أُمِّ سَلَمَةَ قَالَتْ: فَأَخْرَجَتْ إِلَيَّ شَعْرًا مِنْ شَعْرِ رَسُولِ اللَّهِ
مُخْضُوبًا بِالْحِنَّاءِ وَالْكَتَمِ

Terjemahan: Diriwayatkan daripada ‘Uthman Ibn Mawhab berkata: Aku pernah berjumpa dengan Ummu Salamah dan dia keluar memperlihatkan sebahagian daripada rambut Nabi SAW yang pernah diwarnakan dengan inai dan katam.¹⁷

عَنْ أَبِي رَمِثَةَ قَالَ: انْطَلَقْتُ مَعَ أَبِي نَحْوِ النَّبِيِّ فَإِذَا هُوَ ذُو وَفْرَةٍ بِهَا رَدْعُ حِنَّاءٍ وَعَلَيْهِ بُرْدَانِ
أَخْضَرَانِ

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Abu Rimthah berkata: aku dan ayah menghadap Rasulullah SAW. (Ketika itu) rambutnya panjang (mencapai hujung daun telinga) yang diwarnakan dengan inai serta sedang memakai dua pakaian berwarna hijau.¹⁸

Sebagai kesimpulan, al-Ityubi menyatakan bahawa pendapat paling *rajih* dalam hal ini adalah sebagaimana yang diutarakan al-Nawawi dalam *Sharh Sahih Muslim* iaitu Nabi SAW pernah melakukan *khadab* (mewarnakan rambut dan janggut) pada waktu-waktu tertentu dan meninggalkannya iaitu tidak melakukan *khadab* pada kebanyakan waktu. Sehubungan dengan itu, bagi sahabat yang melihat Nabi SAW pada kebanyakan waktu, maka tidak akan dapat melihatnya. Hanya sahabat yang datang pada masa tertentu, yang dapat melihatnya. Malah baginda SAW tidak mungkin meninggalkan *khadab* kerana ia merupakan sunnah yang dianjurkan oleh baginda SAW sendiri.¹⁹

Selanjutnya, al-Nawawi menyatakan dibolehkan mewarnakan (mengubah warna) uban bagi lelaki dan perempuan kepada warna kuning (menggunakan *sufrah*) atau merah (menggunakan inai atau katam).²⁰ Para sahabat, tabiin, *tabi’ tabiin* dan para ulama turut melakukan *khadab* (mewarnakan rambut dan janggut) dengan warna kuning ataupun merah. Andaian bahawa mereka tidak melakukan *khadab* adalah tidak benar malahan lebih ramai lagi yang pernah melakukannya. Abu Bakar, ‘Umar, Muhammad Ibn al-Hanifah, ‘Abd Allah Ibn Abi Awfa, Hasan Ibn ‘Ali, Anas Ibn Malik dan ‘Abd al-Rahman Ibn al-Aswad pernah mewarnakan janggut dengan warna merah kemerahan.²¹ Manakala ‘Uthman Ibn ‘Affan, Abu Hurayrah, Zayd Ibn Wahab, Ibn ‘Abbas, Ibn ‘Umar, ‘Abd Allah Ibn Bisr, Salmah Ibn al-Akwa’, Qays Ibn Abi Hazim, Abu al-‘Aliyah, Abu al-Sawad, Abu Wa’il, ‘Ata’, Qasim, Mughirah Ibn Syu’bah, al-Aswad, ‘Abd al-Rahman Ibn Yazid, Yazid Ibn al-Aswad, Jabir Ibn ‘Abd Allah, Jabir Ibn Samurah, Ali dan Anas kesemuanya pernah *khadab* pada janggut dengan *al-Sufrah*.²²

Dalam pada itu, al-Hafiz Ibn Hajar ketika mengulas perbincangan mengapa tidak boleh melakukan *khadab* (mengubah warna rambut dan janggut) dengan warna hitam mengatakan:

¹⁷ Muhammad Ibn Yazid al-Qazwayni, *Sunan Ibn Majah*, Kitab al-Libas, Bab al-Khadab bi al-Hina’, Riyad: Maktabah al-Ma’arif li al-Nashr wa Tawzi’, 603, no. Hadis 3623.

¹⁸ Sulayman Ibn al-‘Asyath al-Sajistani, *Sunan Abu Dawud*, Kitab al-Tarajjul, Bab fi al-Khadab, Riyad: Maktabah al-Ma’arif li al-Nashr wa Tawzi’, 750, no. Hadis 4206.

¹⁹ ‘Ali Ibn Adam Ibn Musa al-Ityubi al-Wallawy, *Sharh Sunan al-Nasa’i al-Musamma Dakhirah al-‘Uqba fi Sharh al-Mujtaba*, 38, 91.

²⁰ Safa al-Dawi Ahmad al-‘Adawi, *Ihda’ al-Dibajah ‘Ala Sunan Ibn Majah*, Maktabah Dar al-Yaqin, t.tp., 5: 44.

²¹ *Ibid.* 5: 46.

²² *Ibid.*

Sebahagian ulama memberi rukhsah (pelepasan) untuk menggunakannya ketika jihad (perang). Sebahagian ulama pula memberi rukhsah secara mutlak meski pada hukum asalnya makruh. Sungguhpun demikian, al-Nawawi menyebutkan hukum mewarnakan rambut dan janggut dengan warna hitam adalah *makruh tahrim* (makruh yang hampir kepada haram) oleh sebab *khadab* dengan warna hitam pernah diberi pelepasan (rukhsah) kepada golongan terdahulu seperti Sa'ad Ibn Abi Waqqas, 'Uqbah Ibn 'Amir, Hasan, Husin dan Jarir.²³

Riwayat masyhur dalam mazhab al-Syafi'i turut menghukum makruh *khadab* dengan warna hitam, bahkan sebahagian ulama turut mengharamkannya. Maka dilarang bagi sesiapa mewarnakan rambut dengannya. Ibn Qudamah ada menyatakan di dalam kitabnya *al-Mughni*. makruh mewarnakan rambut dan janggut dengan warna hitam. Manakala al-Zarkashi pula memetik kata-kata al-Mawardi yang membolehkan mewarnakan dengan warna hitam hanya khusus ketika jihad di dalam kitabnya *al-Manthur fi al-Qawa'id*.²⁴

Dalam kitab *Tahdhib al-Sunan*, Ibn Qayyim menyebutkan hadis-hadis mewarnakan rambut dan janggut ini tidak bercanggah antara satu sama lain. Hal ini kerana tiada tegahan Nabi SAW terhadap amalan mewarnakan rambut dan janggut kecuali mewarnakan dengan warna hitam sepertimana yang telah dibincangkan. Keizinan (keharusan) untuk mewarnakan dengan warna hitam adalah atas tujuan tertentu sahaja. Manakala mewarnakan dengan warna selain hitam seperti inai dan *sufrah* pula merupakan amalan para sahabat.²⁵

Oleh demikian sebagai kesimpulan, *khadab* dengan warna hitam dibolehkan dalam situasi tertentu seperti perang untuk menggerunkan pihak musuh, malah praktikal dilakukan atas masalah khusus seperti mempunyai masalah uban pada usia muda. Sebaliknya jika digunakan oleh orang tua yang beruban untuk nampak muda, maka hal ini termasuk dalam *taghyir khalqillah*, mengandungi 'illah penipuan dan hukumnya haram.

Selanjutnya berhubung pemakaian (mewarnakan) inai pada kedua tangan dan kaki, hal ini diharuskan kepada kaum perempuan. Inai juga bertindak sebagai salah satu perhiasan kepada wanita. Nabi SAW pernah bersabda:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ: أَوْمِتِ امْرَأَةً مِنْ وَرَاءِ سِتْرِ بَيْدِهَا كِتَابٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ فَفَبَضَّ النَّبِيُّ يَدَهُ، فَقَالَ: مَا أَدْرِي أَيُّدُ رَجُلٍ أَمْ يَدُ امْرَأَةٍ؟ قَالَتْ: بَلِ امْرَأَةٌ، قَالَ: لَوْ كُنْتِ امْرَأَةً لَعَيَّرْتِ أَظْفَارَكَ يَغْنِي بِالْحِنَاءِ

Terjemahan: Diriwayatkan daripada 'A'ishah, seorang wanita mengisyaratkan di belakang tabir bahawa dia ingin menyampaikan surat kepada baginda SAW. Lalu baginda melihat tangan itu seraya bersabda: "Aku tidak tahu sama ada ini tangan lelaki atau perempuan". Perempuan itu menjawab: "Aku seorang wanita". Baginda bersabda: "*Sekiranya kamu seorang wanita, berbezalalah (dengan lelaki) dengan memakai inai (di jari)*".²⁶

²³ *Ibid.* 5: 44.

²⁴ 'Ali Ibn Adam Ibn Musa al-Ityubi al-Wallawy, *Sharh Sunan al-Nasa'i al-Musamma Dakhirah al-'Uqba fi Sharh al-Mujtaba*, 38: 67.

²⁵ Safa al-Dawi Ahmad al-'Adawi, *Ihda' al-Dibajah 'Ala Sunan Ibn Majah*, 5: 45.

²⁶ Sulayman Ibn al-'Asy'ath al-Sajistani, *Sunan Abu Dawud*, Kitab al-Tarajjul, Bab fi al-Khadab li al-Nisa', Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa Tawzi', 744, no. Hadis 4166. Hadis ini dinilai hasan oleh al-Albani. Ahmad Ibn Syu'aib Ibn 'Ali, *Sunan al-Nasa'i*, Kitab al-Zinah min al-Sunan, Bab al-Khadab li al-Nisa', Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa Tawzi', 771, no. Hadis 5089.

دَخَلَ عَلَيَّ رَسُولُ اللَّهِ حِينَ تُؤَيِّ أَبُو سَلَمَةَ وَقَدْ جَعَلْتُ عَلَى عَيْنِي صَبْرًا، فَقَالَ: مَا هَذَا يَا أُمَّ سَلَمَةَ؟ فَقُلْتُ: إِنَّمَا هُوَ صَبْرٌ يَا رَسُولَ اللَّهِ لَيْسَ فِيهِ طِيبٌ، قَالَ: إِنَّهُ يَشُبُّ الْوَجْهَ، فَلَا يَجْعَلِيهِ إِلَّا بِاللَّيْلِ وَتَنْزَعِيْنَهُ بِالنَّهَارِ، وَلَا تَمْتَشِطِي بِالطِّيبِ وَلَا بِالْحِنَاءِ فَإِنَّهُ خِضَابٌ، قَالَتْ: قُلْتُ: بِأَيِّ شَيْءٍ أَمْتَشِطُ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: بِالسِّدْرِ تُغْلَفِينَ بِهِ رَأْسَكَ

Terjemahan: Rasulullah SAW masuk ke tempatku ketika Abu Salamah wafat, sementara aku memakai *sabr* (sejenis celak) pada kedua mataku. Beliau bertanya: "Apa yang kau pakai pada matamu, wahai Ummu Salamah?" "Ini cuma *sabr* wahai Rasulullah dan tidak mengandung wangian." Rasulullah SAW bersabda: "*Sabr itu membuat warna wajah bercahaya, maka jangan memakainya kecuali pada waktu malam dan hilangkan di waktu siang. Jangan menyikat rambutmu dengan minyak wangi dan jangan memakai inai kerana inai (berfungsi) sebagai perhiasan (mewarnai rambut dan kuku).*" Ummu Salamah berkata, "Kalau begitu dengan apa aku hendak meminyakkan rambutku, wahai Rasulullah?" Beliau menjawab: "Daun *sidr* (bidara) dapat engkau pakai untuk menghias rambutmu."²⁷

Demikian daripada itu, penggunaan *khadab* (menggunakan inai, katam dan sejenisnya) pada anggota tangan dan kaki bagi kaum lelaki hanya dibolehkan bagi tujuan perubatan. Nabi SAW bertegas dalam hal ini kerana melakukan *khadab* pada kaki dan tangan tanpa tujuan mendesak adalah salah disebabkan menyerupai wanita (*tasyabbuh*) sebagaimana hadis:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ النَّبِيَّ "أَبِي بِمُحَنَّتٍ فَدَ حَضَبَ يَدَيْهِ وَرَجَلَيْهِ بِالْحِنَاءِ، فَقَالَ النَّبِيُّ: مَا بَالُ هَذَا؟ فَقِيلَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، يَتَشَبَّهُ بِالنِّسَاءِ، فَأَمَرَ بِهِ فُنْفِيَ إِلَى النَّقِيعِ، فَقَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَلَا نَقْتُلُهُ؟ فَقَالَ: إِنَّي نُهِيتُ عَنْ قَتْلِ الْمُصَلِّينَ" قَالَ أَبُو أُسَامَةَ: وَالنَّقِيعُ نَاحِيَةٌ عَنِ الْمَدِينَةِ وَلَيْسَ بِالْبَقِيعِ

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Abu Hurayrah meriwayatkan *seorang mukhannath (khunsa) yang mewarnakan tangannya dengan inai dibawa ke hadapan Rasulullah SAW. Dikatakan kepada Rasulullah SAW: "Wahai Rasulullah, lelaki ini cuba menyerupai wanita." Lalu lelaki itu dihalau dari al-Naqi' (sebagai hukuman dihantar ke tempat yang terpencil supaya dijauhkan daripada orang ramai). Lalu mereka bertanya kepada Rasulullah SAW: "Kenapa dia tidak dibunuh?" Lalu baginda bersabda: "Aku dilarang membunuh mereka yang solat."*²⁸

Seterusnya, para ulama berselisih tentang sama ada perlu mewarnakan (*khadab*) dengan inai atau meninggalkannya. Hal ini kerana terdapat sebahagian sahabat yang pernah melakukannya misalnya Abu Bakar dan 'Umar yang pernah mewarnakan uban dengan inai

²⁷ Sulayman Ibn al-'Asy'ath al-Sajistani, *Sunan Abu Dawud*, Kitab al-Talaq, Bab fi Ma Tajnabatuh al-Mu'taddah fi 'Iddatiha, Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa Tawzi', 403, no. Hadis 2305. Ahmad Ibn Syu'aib Ibn 'Ali, *Sunan al-Nasa'i*, Kitab al-Talaq, Bab al-Rukhsah li al-Hadah An Tattashit bi al-Sidr, Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa Tawzi', 550, no. Hadis 3537. Kedua-dua hadis berikut dinilai da'if oleh al-Albani.

²⁸ Sulayman Ibn al-'Asy'ath al-Sajistani, *Sunan Abu Dawud*, Kitab al-Adab, Bab fi al-Hukm fi al-Mukhannathin, Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa Tawzi', 891, no. Hadis 4928.

dan katam. Manakala sahabat lain pula tidak melakukannya misalnya ‘Ali, Ubay Ibn Ka‘ab, Salmah Ibn al-Akwa’ dan Anas.²⁹ Mengulas perkara ini, al-Tabari menyatakan perbuatan para sahabat yang mewarnakan rambut dan janggut adalah layak (sesuai) dengan keadaan mereka yang mempunyai uban yang memerlukan pewarnaan supaya tidak menyerupai kaum Musyrikin. Manakala para sahabat yang meninggalkan amalan *khadab* pula adalah terhalang daripada uban (tidak memiliki atau memiliki sedikit uban). Ini berdasarkan hadis:

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ: أُتِيَ بِأَبِي قُحَافَةَ يَوْمَ فَتْحِ مَكَّةَ وَرَأْسُهُ وَحَيْثُ كَالْتَّعَامَةِ بَيَاضًا، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ: غَيِّرُوا هَذَا بِشَيْءٍ وَاجْتَنِبُوا السَّوَادَ

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Jabir Ibn ‘Abdillah berkata: Abu Kuhafah datang menghadap Rasullullah SAW pada hari *Fath Makkah* dalam keadaan kepala dan janggutnya yang tidak ubah seperti tanaman yang berbunga putih. Maka Rasulullah SAW pun bersabda kepadanya: "*Ubahlah (warna rambut dan janggut kamu) ini dengan sesuatu dan hindarilah warna hitam.*"³⁰

Oleh hal yang demikian, hadis tersebut membawa maksud bahawa sesiapa yang berkeadaan seperti Abu Kuhafah harus melakukan *khadab* (mewarnakan rambut dan janggut). Manakala yang sebaliknya tidak perlu berbuat demikian. Meskipun begitu, al-Tabari menukilkan pendapat Ahmad Ibn Hanbal yang mewajibkan mewarnakan rambut dan janggut walaupun sekali. Tidak boleh seseorang meninggalkan *khadab* (mewarnakan rambut dan janggut) oleh kerana jika ditinggalkan akan menyerupai Yahudi dan Nasrani.

Dalam erti kata yang lain, sesiapa yang meninggalkan *khadab* secara mutlak adalah mengingkari sunnah. Ibn al-‘Arabi pernah berkata bahawa uban dilarang daripada dicabut oleh kerana ia termasuk perbuatan mengubah sesuatu daripada keadaan asalnya. Oleh itu, Nabi SAW menganjurkan uban diwarnakan dengan inai atau sejenisnya.³¹ Berkenaan kemuliaan orang yang melakukan *khadab*, Nabi SAW pernah bersabda:

عَنْ أَبِي رَمَثَةَ قَالَ: أَتَيْتُ النَّبِيَّ أَنَا وَأَبِي فَقَالَ لِأَبِيهِ: مَنْ هَذَا؟ قَالَ: ابْنِي، قَالَ: لَا تَجْنِي عَلَيْهِ وَكَانَ قَدْ لَطَخَ حَيْثَهُ بِالْحِنَاءِ

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Abu Rimthah katanya: Aku dan ayahku menghadap Rasulullah SAW, maka Rasulullah bertanya kepada ayahku: Siapa ini? Maka dijawab: "Dia anak ku." Baginda bersabda, "*Janganlah kamu hukum*

²⁹ ‘Ali Ibn Adam Ibn Musa al-Ityubi al-Wallawy, *Sharh Sunan al-Nasa’i al-Musamma Dakhirah al-‘Uqba fi Sharh al-Mujtaba*, 38: 57.

³⁰ Abu al-Husayn Muslim Ibn al-Hajjaj al-Qushairi al-Naysaburi, "*Sahih Muslim*," dalam al-Mawsu‘at al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah, ed. Salih Ibn ‘Abd al-Aziz Al al-Shaykh, Kitab al-Libas wa al-Zinah, Bab Istihbab Khadab al-Shaib bi Sufrah wa Hamrah wa Tahrimihi bi al-Sawad, Riyad: Dar al-Salam li Nashr wa al-Tawzi’, 2000, 1090, no. Hadis 5509. Sulayman Ibn al-‘Asyath al-Sajistani, *Sunan Abu Dawud*, Kitab al-Tarajjul, Bab fi al-Khadab, Riyad: Maktabah al-Ma‘arif li al-Nashr wa Tawzi’, 750, no. Hadis 4204. Ahmad Ibn Syu‘aib Ibn ‘Ali, *Sunan al-Nasa’i*, Kitab al-Zinah min al-Sunan, Bab al-Nahy ‘An al-Khadab bi al-Sawad, Riyad: Maktabah al-Ma‘arif li al-Nashr wa Tawzi’, 770, no. Hadis 5076.

³¹ ‘Ali Ibn Adam Ibn Musa al-Ityubi al-Wallawy, *Sharh Sunan al-Nasa’i al-Musamma Dakhirah al-‘Uqba fi Sharh al-Mujtaba*, al-Mumlikah al-‘Arabiyah al-Sa‘udiyah: Dalwal Barum lil Nashr wa al-Tawzi’, 38, 58.

(berlaku jahat kepadanya). (Ketika itu) dia mewarnai janggutnya dengan inai.”³²

Dalam satu riwayat yang lain, dinyatakan bahawa al-Hakim Ibn ‘Amru al-Ghiffari pernah masuk bersama aku dan saudaraku mengadap ‘Umar Ibn al-Khattab dalam keadaan aku memakai inai dan saudaraku memakai *sufrah*. Maka ‘Umar berkata kepadaku dan saudaraku: “Inilah *khadab* (pewarna) Islam dan itulah *khadab* Iman.” Adapun *khadab* dengan warna hitam adalah makruh di sisi *ahl al-‘Ilm* tanpa ragu sebagaimana jawapan Ahmad Ibn Hanbal apabila ditanya: Adakah makruh mewarnakan (*khadab*) dengan warna hitam? Maka dijawab oleh Ahmad Ibn Hanbal: “Ya”.³³

Ibn ‘Abd al-Bar turut menyebutkan dalam *al-Tamhid* bahawasanya para ulama bersepakat mengakui kelebihan *khadab* dengan warna kuning dan merah kepada uban yang memutih dan kepada uban yang telah diwarnakan hitam.³⁴ Ini mengambil kira hujah berikut:

إِنَّ أَبَا هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ: إِنَّ الْيَهُودَ وَالنَّصَارَى لَا يَصْبُغُونَ فَخَالِفُوهُمْ

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Abu Hurayrah berkata: Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya kaum Yahudi dan kaum Nasrani tidak mewarnakan rambut, maka tampillah berbeza dengan mereka."³⁵

Dari dalam hadis, perkataan (لَا يَصْبُغُونَ) yang disebutkan dalam hadis di atas mempunyai maksud sinonim dengan (لَا يَخْضِبُونَ) yang berasal daripada perkataan (خَضَبٌ) iaitu *khadab* yang bererti mengubah warna rambut dan janggut. Justifikasinya, mewarnakan rambut dan janggut tidak dilakukan oleh orang kafir. Maka, *khadab* pada rambut dan janggut merupakan sunnah Nabi SAW, sunat bagi lelaki dan wanita serta dilarang mewarnakan tangan dan kaki kecuali bagi wanita.³⁶

Ahmad Ibn Hanbal meriwayatkan satu riwayat dengan sanad yang hasan menyatakan Nabi SAW pernah keluar dan menjumpai orang-orang tua (yang lanjut usia) dalam kalangan Ansar lagi putih janggutnya. Lantas Nabi SAW bersabda: “Wahai sekalian kaum Ansar, merahkanlah, kuningkanlah dan berbezalalah dengan Ahl al-Kitab.” Al-Tabrani meriwayatkan dalam *Mu‘jam al-Awsat* dan *Mu‘jam al-Kabir* bahawasanya Rasulullah SAW memerintahkan mengubah warna rambut (yang telah beruban) supaya berbeza dengan Ahl al-Kitab dari Nasrani dan Yahudi. Dalam hadis riwayat Ibn ‘Umar RA pula, Nabi SAW menyebutkan: “Ubahlah (warna) uban-uban kamu, dan janganlah menyerupai kaum Yahudi.”³⁷

³² Sulayman Ibn al-‘Asyath al-Sajistani, *Sunan Abu Dawud*, Kitab al-Tarajjul, Bab fi al-Khadab, Riyad: Maktabah al-Ma‘arif li al-Nashr wa Tawzi’, 750, no. Hadis 4208. Ahmad Ibn Syu’aib Ibn ‘Ali, *Sunan al-Nasa’i*, Kitab al-Zinah Min al-Sunan, Bab al-Khadab bi al-Hina’ wa al-Katam, Riyad: Maktabah al-Ma‘arif li al-Nashr wa Tawzi’, 770, no. Hadis 5083.

³³ Safa al-Dawi Ahmad al-‘Adawi, *Ihda’ al-Dibajah ‘Ala Sunan Ibn Majah*, 5: 45.

³⁴ *Ibid.* 5: 46.

³⁵ Muhammad Ibn Isma‘il al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab Ahadith al-Anbiya’, Bab Ma Zakara ‘An Bani Isra’il, Kaherah: Maktabah al-Salafiyyah wa Maktabatuhu, 2, 493, no. Hadis 3462.

³⁶ ‘Ali Ibn Adam Ibn Musa al-Ityubi al-Wallawy, *Sharh Sunan al-Nasa’i al-Musamma Dakhirah al-‘Uqba fi Sharh al-Mujtaba*, 38: 56.

³⁷ ‘Ali Ibn Adam Ibn Musa al-Ityubi al-Wallawy, *Sharh Sunan al-Nasa’i al-Musamma Dakhirah al-‘Uqba fi Sharh al-Mujtaba*, 38: 56.

Selanjutnya, terdapat hadis-hadis lain yang berkaitan *khadab* (mewarnakan) pada anggota tubuh. Namun, pengkaji tidak akan mengulas lebih lanjut kerana ia merupakan kumpulan hadis *da'if*. Kelompok hadis ini hanya dinyatakan sebagai pengetahuan.

عَنْ عَلِيِّ بْنِ الْمُبَارَكِ قَالَ: حَدَّثَنِي كَرِيمَةُ بِنْتُ هَمَّامٍ، أَنَّ امْرَأَةً أَتَتْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْ خِضَابِ الْحِنَاءِ، فَقَالَتْ: لَا بَأْسَ بِهِ وَلَكِنْ أَكْرَهُهُ، كَانَ حَبِيبِي رَسُولُ اللَّهِ يَكْرَهُ رِيحَهُ

Terjemahan: Diriwayatkan daripada ‘Ali Ibn al-Mubarak berkata: telah diceritakan kepadaku Karimah binti Hammam: “Seorang perempuan datang kepada ‘A’ishah dan menanyakan tentang penggunaan inai sebagai pewarna rambut. Maka ‘A’ishah berkata: “Tidak mengapa menggunakannya. Akan tetapi aku tidak menyukainya oleh kerana Rasulullah tidak menyukai baunya.”³⁸

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ: مَرَّ عَلَى النَّبِيِّ رَجُلٌ قَدْ خَضَّبَ بِالْحِنَاءِ، فَقَالَ: مَا أَحْسَنَ هَذَا؟ قَالَ: فَمَرَّ آخَرَ قَدْ خَضَّبَ بِالْحِنَاءِ وَالْكُتْمِ، فَقَالَ: هَذَا أَحْسَنُ مِنْ هَذَا، قَالَ: فَمَرَّ آخَرَ قَدْ خَضَّبَ بِالصُّفْرَةِ، فَقَالَ: هَذَا أَحْسَنُ مِنْ هَذَا كُلِّهِ

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Ibn ‘Abbas berkata: “Seorang lelaki yang mewarnakan rambutnya dengan inai telah berselisih dengan Nabi SAW, lantas baginda bersabda: Betapa bagus ini. Setelah itu dijumpai orang lain yang mewarnai rambutnya dengan inai dan katam, baginda bersabda: orang ini lebih bagus dari yang tadi. Setelah itu, dijumpai orang lain yang mewarnai rambutnya dengan al-Sufrah, baginda bersabda: orang ini lebih bagus dari kedua mereka (sebelum ini).”³⁹

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، أَنَّ هِنْدَ بِنْتَ عُتْبَةَ قَالَتْ: يَا نَبِيَّ اللَّهِ بَايِعْنِي، قَالَ: لَا أُبَايِعُكَ حَتَّى تُعْبِرِي كَفَيْكَ كَأْتَهُمَا كَفًّا سَبْعٍ

Terjemahan: Diriwayatkan daripada ‘A’ishah: Sesungguhnya Hand binti ‘Utbah berkata: Wahai Nabi Allah, terimalah bai’ahku. Maka Nabi SAW bersabda: “Aku tidak akan membai’ahmu hingga kamu mengubah (pewarna) kedua telapak tanganmu, sebab kedua telapak tanganmu kelihatan seakan-akan telapak tangan haiwan buas.”⁴⁰

Sebagai kesimpulan, apabila disebutkan mengenai inai dalam hadis, ia amat berkait rapat dengan *khadab*, yakni penggunaannya sebagai pewarna bagi rambut dan janggut. Di

³⁸ Sulayman Ibn al-‘Asy’ath al-Sajistani, *Sunan Abu Dawud*, Kitab al-Tarajjul, Bab fi al-Khadab li al-Nisa’, Riyad: Maktabah al-Ma’arif li al-Nashr wa Tawzi’, 743-744, no. Hadis 4164. Ahmad Ibn Syu’aib Ibn ‘Ali, *Sunan al-Nasa’i*, Kitab al-Zinah Min al-Sunan, Bab Karahiyah Rih al-Hina’, Riyad: Maktabah al-Ma’arif li al-Nashr wa Tawzi’, 771, no. Hadis 5090. Hadis-hadis ini dinilai *da’if* oleh al-Albani.

³⁹ Sulayman Ibn al-‘Asy’ath al-Sajistani, *Sunan Abu Dawud*, Kitab al-Tarajjul, Bab Ma Ja’a fi Khadab al-Sufrah, Riyad: Maktabah al-Ma’arif li al-Nashr wa Tawzi’, 750, no. Hadis 4211. Muhammad Ibn Yazid al-Qazwayni, *Sunan Ibn Majah*, Kitab al-Libas, Bab al-Khadab bi al-Sufrah, Riyad: Maktabah al-Ma’arif li al-Nashr wa Tawzi’, 603, no. Hadis 3627. Kedua-dua hadis berikut dinilai *da’if* oleh al-Albani.

⁴⁰ Sulayman Ibn al-‘Asy’ath al-Sajistani, *Sunan Abu Dawud*, Kitab al-Tarajjul, Bab fi al-Khadab li al-Nisa’, Riyad: Maktabah al-Ma’arif li al-Nashr wa Tawzi’, 744, no. Hadis 4165. Hadis berikut dinilai *da’if* oleh al-Albani.

samping inai, terdapat beberapa lagi pewarna yang disebutkan, iaitu pewarna kuning, merah kehitaman dan hitam. Jelas, ia merupakan sunnah yang digalakkan kepada umat Islam.

MANFAAT INAI MENURUT PARA ULAMA

Secara asas, pohon inai mempunyai khasiat khusus. Pertama: kandungan cecair panasnya boleh membusukkan sesuatu. Kedua: kandungan tanahnya yang dingin berkhasiat sebagai pencegah.⁴¹ Inai mempunyai warna terang (merah cerah api), digemari, membangkitkan daya cinta kasih dan berbau wangi.

Dalam pada itu, inai terbukti berguna untuk menyembuhkan luka-luka mulut dan bengkak-bengkak. Air daunnya yang dimasak berguna untuk memulih bahagian anggota yang terbakar api⁴² atau terkenal ulat air pada celah-celah jari kaki atau tangan. Ia juga merupakan pencelup yang boleh memerahkan rambut dan memperelok serta mencegah kuku daripada patah.⁴³

Berhubung manfaat-manfaat inai yang lain, dinyatakan dalam hadis bahawa:

عَنْ عَلِيِّ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، عَنْ جَدِّتِهِ سَلْمَى، وَكَانَتْ تَخْدُمُ النَّبِيَّ قَالَتْ: مَا كَانَ يَكُونُ بِرَسُولِ اللَّهِ قَرْحَةً وَلَا نَكْبَةً إِلَّا أَمَرَنِي رَسُولُ اللَّهِ أَنْ أَضَعَ عَلَيْهَا الْحِنَاءَ

Terjemahan: Diriwayatkan daripada ‘Ali Ibn ‘Ubaydillah, daripada datuknya, Salmi yang pernah melayani Nabi SAW berkata: “Apabila Rasullullah SAW luka (bisul) atau tertusuk duri, maka baginda SAW memerintahku untuk meletakkan inai di atas luka tersebut.”⁴⁴

حَدَّثَنَا فَائِدٌ مَوْلَى عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَلِيٍّ بْنِ أَبِي رَافِعٍ، عَنْ مَوْلَاهُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَلِيٍّ بْنِ أَبِي رَافِعٍ، عَنْ جَدِّتِهِ سَلْمَى خَادِمِ رَسُولِ اللَّهِ قَالَتْ: مَا كَانَ أَحَدٌ يَشْتَكِي إِلَى رَسُولِ اللَّهِ وَجَعًا فِي رَأْسِهِ إِلَّا قَالَ: اخْتَجِمِ، وَلَا وَجَعًا فِي رِجْلَيْهِ إِلَّا قَالَ: اخْضِبْهُمَا

Terjemahan: Telah diceritakan kepada kami Fa’id hamba ‘Ubaidillah Ibn ‘Ali Ibn Abi Rafi’, daripada tuannya, ‘Ubaidillah Ibn ‘Ali Ibn Abi Rafi’, daripada datuknya Salmi, khadam Rasullullah SAW katanya: “Jika ada seseorang mengeluh kepada Rasullullah SAW akan sakit kepala yang menyimpannya. Maka Baginda SAW bersabda kepada orang itu, “Berbekamlah! Dan jika ada orang yang mengeluh kepada Baginda SAW tentang sakit pada kedua belah kakinya. Maka Baginda SAW bersabda kepada orang itu. Balutlah dengan inai.”⁴⁵

⁴¹ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, “Perubatan Rasullullah”, (terj.) Nabilah Abd. Jalil, *Selangor: Al-Hidayah House of Publishers Sdn. Bhd.*, (2013): h. 122.

⁴² Muhammad, H. S., and S. Muhammad. “The use of *Lawsonia inermis* Linn.(henna) in the management of burn wound infections.” *African Journal of Biotechnology* 4, no. 9 (2005): 934-937.

⁴³ Mustaqim Ibn Mohd Najib, “Thibbun Nabawi Perubatan Wahyu Nabi”, *t.t.t., Klinik Muallij Islamiah*, (2010), 53.

⁴⁴ Muhammad Ibn ‘Isa Ibn Sawrah al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, Kitab al-Tibb, Bab Ma Ja’a fi al-Tadawa bi al-Hina’, Riyad: Maktabah al-Ma’arif li al-Nashr wa Tawzi’, 464, no. Hadis 2054. Muhammad Ibn Yazid al-Qazwayni, *Sunan Ibn Majah*, Kitab al-Tibb, Bab al-Hina’, Riyad: Maktabah al-Ma’arif li al-Nashr wa Tawzi’, 585, no. Hadis 3502. Hadis ini dinilai hasan oleh al-Albani.

⁴⁵ Sulayman Ibn al-‘Asyath al-Sajistani, *Sunan Abu Dawud*, Kitab al-Tibb, Bab fi al-Hijamah, Riyad: Maktabah al-Ma’arif li al-Nashr wa Tawzi’, 693, no. Hadis 3858. Hadis ini dinilai hasan oleh al-Albani.

Daripada pandangan ulama, penggunaan inai oleh Nabi SAW dengan cara diletakkan di atas luka adalah bermanfaat kerana inai bersifat sejuk dengan memiliki agen penyejuk yang membantu meringankan rasa sakit.⁴⁶ Inai boleh digunakan untuk menyembuhkan luka ringan, luka terbakar dan kudis di sekeliling kuku. Caranya ialah dengan membersihkan daun terlebih dahulu, kemudian tumbuk daun tersebut sehingga hancur. Selepas itu sapukan ramuan daun tersebut pada tempat yang sakit. Selain daripada itu, inai juga boleh digunakan untuk menyembuhkan sakit perut. Caranya adalah dengan meminum air rebusan campuran daun inai segar dan inai kering yang dicincang.⁴⁷

Dalam Islam, harus berubat dengan inai bagi sesiapa yang mempunyai luka, bisul, terkena duri dan seumpama. Implementasi hadis ini turut meliputi kaedah perubatan bagi lelaki dan perempuan. Walau bagaimanapun, kaum lelaki perlu berpada dalam *khadab* (mewarnakan) tapak tangan atau kaki yang sakit supaya tidak berlebihan sehingga menyerupai kaum perempuan.⁴⁸

Dalam aspek lain, disebutkan oleh Ibn Qayyim dalam kitabnya bahawa Ibn Majah ada meriwayatkan sebuah hadis: “Ketika Nabi SAW menderita sakit kepala, beliau membungkus kepalanya dengan inai dan berkata: “Ini akan menyembuhkan sakit kepala dengan izin Allah SWT”.⁴⁹ Dari segi signifikan, rawatan dengan inai yang disebutkan merupakan salah satu cara rawatan sakit kepala. Jika sakit kepala itu diakibatkan oleh hawa panas yang menyengat, maka inai boleh membantu meredakannya. Caranya adalah dengan ditumbuk halus lalu dicampur dengan cuka dan dilekatkan di dahi. Dengan cara ini, sakit kepala akan sembuh.⁵⁰

Di samping itu, inai boleh menenangkan saraf jika digunakan sebagai pembalut. Inai tidak hanya berguna bagi sakit kepala sahaja bahkan praktikal untuk mengubati organ tubuh, bengkak dan radang yang muncul di permukaan kulit dengan cara dibalut bersama inai dan cuka.⁵¹ Dalam pada itu, inai boleh mengubati luka terbakar jika digunakan sebagai pembalut. Jika dikunyah, tumbuhan ini boleh mengubati sakit seriawan. Radang selaput mukosa pada mulut kanak-kanak adalah salah satu penyakit yang boleh disembuhkan dengan inai. Menggunakan inai untuk membalut radang berat juga boleh menyembuhkannya kerana inai mempunyai kesan yang sama pada luka seperti yang dimiliki oleh pohon darah naga. Bunga inai yang dicampur parafin murni dan minyak mawar boleh menyembuhkan sakit selaput dada.⁵²

Di samping itu, inai boleh menjadikan mata kanak-kanak kebal daripada luka yang disertai cacar dengan cara melumur telapak kaki kanak-kanak dengan tumbuhan itu ketika gejala penyakit tersebut mula muncul pada mereka. Jika diletakkan di antara pakaian kapas, bunga inai boleh mengharumkan pakaian dan mencegah tumbuhnya kulat atau kuman parasit. Bukan itu sahaja, daun inai yang direndam dalam air tawar lalu diperah dan diminum selama 40 hari dengan dos 20 sudu ditambah 10 sudu gula setiap hari semasa makan daging biri-biri muda boleh mencegah penyakit kusta dengan khasiatnya yang luar biasa.⁵³

⁴⁶ Muhammad ‘Abd al-Rahman Ibn ‘Abd al-Rahim al-Mubarakfuri, *Tuhfah al-Ahwazi bi Sharh Jami’ al-Tirmidhi*, t.t.p.: Dar al-Fikr, 6, 212.

⁴⁷ “Pokok Inai- *Lawsonia inermis*” Mei 12, 2020. <http://herba.berita1.com/pokok-inai-lawsonia-inermis>.

⁴⁸ Muhammad Shams al-Haq al-‘Azim Abadi, *‘Awn al-Ma’bud Sharh Sunan Abu Dawud*, Madinah: Maktabah al-Salafiyah, 10: 338. Safa al-Dawi Ahmad al-‘Adawi, *Ihda’ al-Dibajah ‘Ala Sunan Ibn Majah*, Maktabah Dar al-Yaqin, t.tp., 4: 574.

⁴⁹ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, “Perubatan Rasullullah”, (terj.) Nabilah Abd. Jalil, *Selangor: Al-Hidayah House of Publishers Sdn. Bhd.*, (2013): h. 119.

⁵⁰ *Ibid.* h. 122.

⁵¹ *Ibid.* h. 122.

⁵² *Ibid.* h. 122.

⁵³ *Ibid.* h. 123.

Seterusnya, inai boleh dijadikan krim untuk menghalus dan menguatkan jari. Inai yang dicampur mentega boleh digunakan untuk membalut tumor yang mengalirkan sisa kuning. Inai juga mampu mengubati penyakit kudis kronik, menyubur dan menguatkan rambut serta menguatkan kepala. Inai juga boleh digunakan untuk mengubati lepuh dan bisul pada kaki atau bahagian tubuh lain.⁵⁴ Dirwayatkan dalam satu kisah bahawa seorang lelaki pernah mengeluhkan kuku jarinya yang pecah-pecah. Dia akan memberikan hadiah wang kepada sesiapa sahaja yang dapat mengubati penyakitnya. Akan tetapi, tiada yang berjaya menyembuhkannya. Seorang wanita memberinya preskripsi agar meminum inai selama 10 hari, tetapi lelaki tersebut tidak berani melakukannya. Tidak kurang ikhtiar, lelaki itu lalu merendam daun inai dalam air dan meminum air rendaman tersebut. Ternyata jarinya sembuh.⁵⁵

Akhirnya, *faghiyah* (bunga inai) merupakan salah satu jenis minyak wangi terbaik. Bunga inai ini bersifat stabil, antara panas dan kering serta mempunyai sedikit perekat. Jika diletakkan di antara pakaian kapas yang dilipat, bunga ini dapat melindungi pakaian dari kulat dan serangga parasit. *Faghiyah* juga boleh digunakan sebagai campuran dalam balsam gosok dan minyaknya boleh membantu melindungi organ tubuh dan merehatkan saraf.⁵⁶

INAI DARI KAJIAN SAINTIFIK

Inai atau nama saintifiknya *Lawsonia inermis* L. atau lebih dikenali nama “*Henna*” oleh dunia, merupakan tumbuhan tergolong dari keluarga *Lythracea* yang terkandung di dalamnya lebih 500 spesies tumbuhan, antaranya delima. Kebanyakannya tumbuh meluas di kawasan beriklim tropika seperti di Sudan, Mesir, China dan India. Justeru, ia umumnya merupakan tumbuhan asal dari Afrika dan Asia. Malah, negara yang paling banyak menanam inai ialah Sudan, Mesir dan India. Pohon inai boleh tumbuh atas jenis-jenis tanah yang pelbagai dari tanah gembur hinggalah tanah liat. Akan tetapi, pokok inai lebih subur ditanam di tanah yang mengandungi nilai alkali (*heavy soil*).⁵⁷

Inai merupakan sejenis pokok yang mempunyai khasiat dan nilai perubatan tinggi.⁵⁸ Daunnya digunakan untuk mewarnakan kulit badan manusia, rambut, kuku, barangan kulit dan pewarna kain. Pokok inai boleh membesar sehingga ketinggian 2.6 m. Inai ditanam secara komersial di negara-negara UAE, Maghribi, Algeria, Yaman, Tunisia,⁵⁹ Libya, Arab Saudi, Mesir, barat India, Iraq, Iran, Pakistan, Bangladesh, Afghanistan, Turki, Somalia dan Sudan.

Pada **rajah 2** lakaran pokok inai *Lawsonia inermis*. Lakaran 1 (kiri) memperincikan bahagian bawah tangkai/ranting inai berhubung dengan batang pokok inai, dan lakaran 1 (kanan) memperincikan bahagian atas tangkai yang jambang bunga. Lakaran 2 pula, adalah ciri kepada satu kumtum bunga inai yang mempunyai 4 kelopak. Seterusnya lakaran 3, adalah buah pokok inai.

⁵⁴ *Ibid.* h. 123.


⁵⁵ *Ibid.* h. 123.

⁵⁶ *Ibid.* h. 431.

⁵⁷ Musa, A. E., and G. A. Gasmelseed. "Characterization of *Lawsonia inermis* (Henna) as vegetable tanning material." *Journal of forest products & industries* 1, no. 2 (2012): 35-40.

⁵⁸ Amit S. Borade, Babasaheb N. Kale & Rajkumar V. Shete. "A Phytopharmacological Review on *Lawsonia Inermis* (Linn.)", *International Journal of Pharmacy & Life Sciences* 2, no. 1 (2011): 536-541.

⁵⁹ Anissa Boubaya, Nidhal Marzougui, Laila Ben Yahia & Ali Ferchichi. "Chemical Diversity Analysis of Tunisian *Lawsonia Inermis* L. Populations", *African Journal of Biotechnology* 10, no. 25 (2011): 4980-4997.



Rajah 2: Lakaran pokok inai *Lawsonia inermis* 1) (kiri) Bahagian bawah tangkai/ranting dan (kanan) Bahagian atas tangkai berbunga, 2) Bunga, dan 3) buah pokok inai.⁶⁰

Ahli sejarah mendakwa bahawa orang orang Mongol telah membawa inai ke India pada kurun ke-12 sementara pihak lain mendakwa inai berasal dari India. Ahli arkeologi pula mengatakan mereka menemui bukti bahawa inai telah digunakan oleh orang Mesir dalam proses menghasilkan mumia apabila mereka mendapati kuku jari dan kaki mumia yang mereka temui disapu dengan sejenis pewarna merah yang dipercayai adalah inai.⁶¹

Budaya pemakaian inai dalam majlis dan perayaan tertentu adalah berasal dari India. Kebanyakan ahli arkeologi percaya penggunaan inai pada awalnya berasal dari Mesir kerana penemuan mumia yang disapukan inai pada kuku jari dan kaki. Motif-motif ini telah dimotifikasikan sesuai dengan ajaran Islam. Salah satu perubahan ialah motif haiwan dan manusia yang dilarang digunakan dalam Islam tidak lagi muncul.⁶²

Daun pokok inai telah digunakan selama berabad di Timur Tengah, Timur Asia dan Utara Afrika sebagai pewarna untuk kuku, tangan, rambut dan kain (tekstil). Inai turut digunakan untuk mengubati penyakit kulit, sakit kepala, pening,⁶³ penyakit demam kuning,

⁶⁰ “*Lawsonia inermis* L.” Mei 10, 2020. [https://uses.plantnet-project.org/en/Lawsonia_inermis_\(PROTA\)](https://uses.plantnet-project.org/en/Lawsonia_inermis_(PROTA))

⁶¹ “Ancient Egyptians are said to have prepared both oil and an ointment from the henna flowers for making the limbs supple. In early Islamic culture, henna usage is very evident in the book of “Prophetic Medicine” where the medicinal practices by his followers and others that were close to him in his households were recorded.” Babu, P. Dinesh, and R. S. Subhasree. “Antimicrobial activities of *Lawsonia inermis*-a review”, *Acad J Plant Sci* 2, no. 4 (2009): 231-232.

⁶² “Pokok Inai- *Lawsonia inermis*” Mei 12, 2020. <http://herba.berita1.com/pokok-inai-lawsonia-inermis>.

⁶³ Fatan Hamamah, Yahaya. “Potensi tumbuh-tumbuhan sebagai ubat-ubatan”, *Jurnal e-Bangi* 1 (2003): 1-13.

demam kura dan amebiasis.⁶⁴ Daun inai juga penting dalam perubatan tradisional⁶⁵ dan pembuatan pewarna (*dye*) kosmetik.⁶⁶

Daun inai mengandungi bahan pewarna glukosid dan asid henotanik. Asid henotanik pada daun inai menyebabkan kulit yang disapu inai akan berwarna merah. Ini disebabkan pewarna yang sememangnya terdapat dalam asid henotanik akan bergabung dengan kolagen pada sel kulit dan keratin pada kuku dan rambut. Minyak daripada biji inai mengandungi behenik, arasidik, sterik, palmitik, asid oleik dan linoleik.⁶⁷

Berdasarkan kajian saintifik terhadap tikus menggunakan inai turut mendapati ekstrak daripada daun inai boleh memberi kesan menyembuhkan penyakit pada dos yang sesuai.⁶⁸ Daun inai turut berpotensi menjadi produk *anti-ulser* (penawar ulser) berdasarkan ujian yang telah dijalankan terhadap tikus yang menghidapi ulser gastrik.⁶⁹

Selain itu, ekstrak inai dapat merendahkan kadar glukosa dan kolesterol⁷⁰ serta berpotensi mengurangkan kesan disebabkan cacing parasit yang berbahaya kepada manusia. Parasit yang belum matang (*immature forms of parasites*) memasuki tubuh manusia melalui kulit atau saluran pemakanan. Penggunaan dadah (*anthelminthics*) dalam perubatan moden berupaya menghapuskan cacing tersebut, namun turut menyebabkan kesan sampingan seperti sakit pada bahagian abdomen, hilang selera makan, loya, muntah-muntah, sakit kepala dan kurang air dalam badan. Justeru, penggunaan inai boleh menjadi penawar berkesan untuk menangani masalah disebabkan parasit. Satu kajian yang dijalankan di India mendapati inai merupakan herba penting dalam tamadun Ayurveda (*Ayurvedic*).⁷¹ Puak Orissa di selatan India turut menggunakan inai sebagai perubatan semulajadi untuk merawat penyakit hati.⁷²

⁶⁴ *Amebiasis* ialah penyakit yang terjadi di saluran pencernaan. Lazimnya, ia merebak ketika seseorang makan dan minum sesuatu yang tercemar dengan kuman bernama *Entamoeba histolytica*.

⁶⁵ Gagandeep Chaudhary, Sandeep Goyal, and Priyanka Poonia. "Lawsonia Inermis Linnaeus: A Phytopharmacological Review", *International Journal of Pharmaceutical Sciences and Drug Research* 2, no. 2 (2010): 91-98.

⁶⁶ Musa, A. E., and G. A. Gasmelseed. "Characterization of *Lawsonia inermis* (Henna) as vegetable tanning material." *Journal of forest products & industries* 1, no. 2 (2012): 35-40.

⁶⁷ Dalam satu artikel lain berkaitan inai yang dinyatakan: "*Henna contains phenolic glycosides, alkaloids, anthocyanins, phenols, sterols, xanthoproteins. Henna leaves also contain manite, tannic acid, gallic acid and mucilage. The plant also contains essential and volatile oils one of which are alpha and beta-ionone.*" Agabna, Nuha ME, S. A. Shaddad, and A. K. Mudathir. "Safety of *Lawsonia inermis* ethanolic seeds extract." *J Pharm Biomed Sci* 4, no. 43 (2014): 2230-7885.

⁶⁸ Sanni, S., I. B. Thilza, M. T. Ahmed, F. S. Sanni, M. Talle, and G. Okwor. "The effect of aqueous leaves extract of henna (*Lawsonia inermis*) in carbon tetrachloride induced hepatotoxicity in Swiss albino mice." *Academia arena* 2, no. 6 (2010): 87-89.

⁶⁹ Goswami, Mradul, Mayank Kulshreshtha, Chandana V. Rao, Sanjay Yadav, and Sachdev Yadav. "Anti-ulcer potential of *Lawsonia inermis* L. leaves against gastric ulcers in rats." *Journal of Applied Pharmaceutical Science* 1, no. 2 (2011): 69-72.

⁷⁰ Inawati, Syamsudin, and Hendiq Winarno. "Pengaruh Ekstrak Daun Inai (*Lawsonia inermis* Linn.) Terhadap Penurunan Kadar Glukosa, Kolesterol Total dan Trigliserida Darah Mencit yang Diinduksi Aloksan." *Jurnal Kimia Indonesia* 1, no. 2 (2006): 71-77.

⁷¹ Bairagi, G. B., A. O. Kabra, and R. J. Mandade. "Anthelmintic activity of *Citrus medica* L. leaves in Indian adult earthworm." *International Journal of PharmTech Research* 3, no. 2 (2011): 664-667.

⁷² Hossain, Chowdhury Mobaswar, Himangshu Sekhar Maji, and Pranabesh Chakraborty. "Hepatoprotective activity of *Lawsonia inermis* Linn, warm aqueous extract in carbon tetrachloride induced hepatic injury in Wister rats." *Asian J Pharm Clin Res* 4, no. 3 (2011): 106-109.

Seterusnya, kajian terdahulu membuktikan bahagian pohon⁷³ dan ekstrak inai sangat bermanfaat,⁷⁴ serta bersifat *antibacterial*,⁷⁵ *antimicrobial*⁷⁶ *anti-tubercular drugs*,⁷⁷ *antioxidant*,⁷⁸ *antifungal*,⁷⁹ *antihyperglycaemic*,⁸⁰ dan *antimalarial*.⁸¹ Malahan daun inai yang segar atau kering mempunyai kelebihan tersendiri dalam perubatan⁸² dan boleh dijadikan produk farmasi.⁸³ Gabungan khasiat inai dengan bahan sampingan terbukti boleh menjadi perintis kepada penghasilan ubat-ubatan bagi semua penyakit contohnya diabetis.⁸⁴ Ini sekaligus dapat menghasilkan produk baru yang lebih sihat berbanding ubat-ubatan moden yang diguna pakai kini.

KESIMPULAN

Menelusuri *tibb al-Nabawi*, inai terbukti memiliki kebaikan dan khasiat khusus yang wajar dimanfaatkan. Selain daripada kegunaannya sebagai pewarna (*dye*) yang lebih dominan, Nabi SAW turut menggunakannya sebagai penawar untuk mengubati luka, luka terbakar, kudis dan sakit kepala oleh sebab sifat inai yang istimewa sebagai agen penyejuk.

Melalui kajian saintifik, di mana inai digunakan secara meluas, banyak lagi khasiat inai telah dibongkarkan. Inai telah digunakan sejak dahulu lagi dan menjadi bahan semulajadi dalam merawat beberapa jenis penyakit. Antaranya potensi inai untuk rawatan penyakit hati, merawat luka kepada pesakit diabetis, sakit perut, merawat ulser mulut dan perut, serta merawat masalah jangkitan cacing.

-
- ⁷³ Rajwar, Sonam, and P. Kantri. "Pharmacognostic & Phytochemical Studies on Various Plant Parts of *Lawsonia inermis* (Henna)." *Asian Journal of Pharmaceutical Sciences and Clinical Research* 1, no. 3 (2011): 22-40.
- ⁷⁴ Berenji, Fariba, Hasan Rakhshandeh, and Homeyra Ebrahimipour. "In vitro study of the effects of henna extracts (*Lawsonia inermis*) on *Malassezia* species." *Jundishapur Journal of Microbiology (JJM)* 3, no.3 (2010): 125-128.
- ⁷⁵ Sarojini, Nayak, Chakraborti Chandra Kanti, Sahoo Anulata Manjari, Sah usha Kumari, and Jaiswal Priyanka. "In vitro antibacterial activities of *Lawsonia inermis* leaf extracts." *International Research Journal of Pharmacy* 3, no. 7 (2012): 195-197.
- ⁷⁶ Jasim, Alyaa Sebti. "Evaluation of Antimicrobial activity of flavonoides Extract from *Lawsonia inermis*." *Misan Journal of Academic Studies* 9, no. 17 (2010): 7-12.
- ⁷⁷ Ravishah, S., S. N. Manjula, K. Mruthunjaya, P. Krishnanand, C. K. N. Pramod, R. M. Madhu, J. Sweetey, and M. Basirian. "Hepatoprotective activity of roots of *Lawsonia inermis* against paracetamol and antitubercular drugs induced hepatotoxicity in rats." *Int J Pharm* 2, no. 2 (2012): 306-16.
- ⁷⁸ Zohourian, Tayyebah Haleh, Armando T. Quitain, Mitsuru Sasaki, and Motonobu Goto. "Polyphenolic contents and antioxidant activities of *Lawsonia inermis* leaf extracts obtained by microwave-assisted hydrothermal method." *Journal of Microwave Power and Electromagnetic Energy* 45, no. 4 (2011): 193-204.
- ⁷⁹ Abdelraouf A. Elmanama, Amany A. Alyazji & Nedaa A. Abu Gheneima. "Antibacterial, Antifungal and Synergistic Effects of *lawsonia Inermis*, *Punica Granatum* and *Hibiscus Sabdariffa*." *Annals of Al-Quds Medicine*, 7 (2011): 33-41.
- ⁸⁰ Ojewunmi, Oyesola O., Tope Oshodi, Omobolanle I. Ogundele, Chijioke Micah, and Sunday Adenekan. "In vitro antioxidant, antihyperglycaemic and antihyperlipidaemic activities of ethanol extract of *Lawsonia inermis* leaves." *Journal of Pharmaceutical Research International*, (2014): 301-314.
- ⁸¹ Fatiha El. Babili, Alex Valentin & Christian Chatelain. "*Lawsonia Inermis*: It Anatomy and Its Antimalarial, Antioxidant and Human Breast Cancer Cells MCF7 Activities." *Pharmaceutica Analytica Acta* 4, no. 1 (2013): 1-6.
- ⁸² B. Upadhyay, A.K Dhaker, K.P. Singh & A. Kumar. "Phytochemical Analysis and Influence of Edaphic Factors on Lawsone Content of *Lawsonia Inermis* L." *Journal of Phytology* 2, no. 6 (2010): 47-54.
- ⁸³ Dhiman Anju, Sharma Kavita, Goyal Jugnu, Garg Munish & Sharma Asha, "Determination of Lawsone Content in Fresh and Dried Leaves of *Lawsonia Inermis* Linn, and Its Quantitative Analysis By HPTLC." *Journal of Pharmaceutical and Scientific Innovation* 1, no.2 (2012): 17-20.
- ⁸⁴ Rajwar, Sonam, and Pankaj Khatri. "Diabetic effects of polyherbal formulation of *Lawsonia inermis* and *Azadirachta indica*." *Journal of Drug Delivery and Therapeutics* 3, no. 2 (2013):45-51.

Kajian lanjutan yang lebih terperinci perlu dilaksanakan untuk mengenalpasti ciri-ciri fitokimia yang terdapat di dalam pokok inai yang tumbuh di tanah Malaysia. Hal ini bertepatan dengan faktor iklim, jenis tanah dan berkemungkinan akan menemukan kaedah rawatan baru dalam merawat beberapa jenis penyakit lain.

Demikian, diharapkan perbincangan dalam makalah ini dapat membuka perspektif baharu dalam penyelidikan terhadap inai khusus yang tumbuh di Malaysia, bagi mengetahui dan mengenal pasti potensinya dalam dunia perubatan moden berdasarkan kepada penemuan saintifik setelah ujikaji makmal dijalankan sepenuhnya. Bahkan, secara tidak langsung dapat melihat potensinya bagi menghasilkan bahan ubatan bagi rawatan pelbagai jenis penyakit yang berkaitan. Sudah pasti, segala penemuan yang dapat dihasilkan melalui penelitian terhadap inai ini akan dapat memberi manfaat kepada ramai pihak dari sudut ekonomi, penghasilan ubatan, pertanian dan sebagainya lagi.

BIBLIOGRAFI

- ‘Ali Ibn Adam Ibn Musa al-Itayubi al-Wallawy, *Sharh Sunan al-Nasa’i al-Musamma Dakhirah al-‘Uqba fi Sharh al-Mujtaba*, al-Mumlikah al-‘Arabiyah al-Sa‘udiyah: Dalwal Barum lil Nashr wa al-Tawzi’.
- Abdelraouf A. Elmanama, Amany A. Alyazji & Nedaa A. Abu Gheneima. “Antibacterial, Antifungal and Synergistic Effects of *lawsonia Inermis*, *Punica Granatum* and *Hibiscus Sabdariffa*.” *Annals of Al-Quds Medicine*, 7 (2011): 33-41.
- Abu al-Husayn Muslim Ibn al-Hajjaj al-Qushairi al-Naysaburi, “Sahih Muslim,” dalam *al-Mawsu‘at al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih Ibn ‘Abd al-Aziz Al al-Shaykh, Riyad: Dar al-Salam li Nashr wa al-Tawzi’, 2000.
- Abu Dawud, Sulayman Ibn al-‘Asyath al-Sajistani, *Sunan Abu Dawud*, dalam *al-Mawsu‘at al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih Ibn ‘Abd al-Aziz Al al-Shaykh, Riyad: Dar al-Salam li Nashr wa al-Tawzi’, 2000.
- Agabna, Nuha ME, S. A. Shaddad, and A. K. Mudathir. “Safety of *Lawsonia inermis* ethanolic seeds extract.” *J Pharm Biomed Sci* 4, no. 43 (2014): 2230-7885.
- Ahmad Ibn Syu’aib Ibn ‘Ali, “Sunan al-Nasa’i”, dalam *al-Mawsu‘at al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih Ibn ‘Abd al-Aziz Al al-Shaykh, Riyad: Dar al-Salam li Nashr wa al-Tawzi’, 2000.
- Amit S. Borade, Babasaheb N. Kale & Rajkumar V. Shete. “A Phytopharmacological Review on *Lawsonia Inermis* (Linn.)”, *International Journal of Pharmacy & Life Sciences* 2, no. 1 (2011): 536-541.
- Anissa Boubaya, Nidhal Marzougui, Laila Ben Yahia & Ali Ferchichi. “Chemical Diversity Analysis of Tunisian *Lawsonia Inermis* L. Populations”, *African Journal of Biotechnology* 10, no. 25 (2011): 4980-4897.
- B. Upadhyay, A.K Dhaker, K.P. Singh & A. Kumar. “Phytochemical Analysis and Influence of Edaphic Factors on Lawsonia Content of *Lawsonia Inermis* L.” *Journal of Phytology*

- 2, no. 6 (2010): 47-54.
- Babu, P. Dinesh, and R. S. Subhasree. "Antimicrobial activities of *Lawsonia inermis*-a review", *Acad J Plant Sci* 2, no. 4 (2009): 231-232.
- Bairagi, G. B., A. O. Kabra, and R. J. Mandade. "Anthelmintic activity of *Citrus medica* L. leaves in Indian adult earthworm." *International Journal of PharmTech Research* 3, no. 2 (2011): 664-667.
- Berenji, Fariba, Hasan Rakhshandeh, and Homeyra Ebrahimipour. "In vitro study of the effects of henna extracts (*Lawsonia inermis*) on *Malassezia* species." *Jundishapur Journal of Microbiology (JJM)* 3, no.3 (2010): 125-128.
- Al-Bukhari, Muhammad Ibn Isma'il al-, *Sahih al-Bukhari*, Kaherah: Maktabah al-Salafiyah wa Maktabatuha, 1400H.
- Dhiman Anju, Sharma Kavita, Goyal Jugnu, Garg Munish & Sharma Asha, "Determination of Lawsonia Content in Fresh and Dried Leaves of *Lawsonia Inermis* Linn, and Its Quantitative Analysis By HPTLC." *Journal of Pharmaceutical and Scientific Innovation* 1, no.2 (2012): 17-20.
- Fatan Hamamah, Yahaya. "Potensi tumbuh-tumbuhan sebagai ubat-ubatan", *Jurnal e-Bangi* 1 (2003): 1-13.
- Fatiha El. Babili, Alex Valentin & Christian Chatelain. "*Lawsonia Inermis*: It Anatomy and Its Antimalarial, Antioxidant and Human Breast Cancer Cells MCF7 Activities." *Pharmaceutica Analytica Acta* 4, no. 1 (2013): 1-6.
- Gagandeep Chaudhary, Sandeep Goyal, and Priyanka Poonia. "*Lawsonia Inermis* Linnaeus: A Phytopharmacological Review", *International Journal of Pharmaceutical Sciences and Drug Research* 2, no. 2 (2010): 91-98.
- Goswami, Mradul, Mayank Kulshreshtha, Chandana V. Rao, Sanjay Yadav, and Sachdev Yadav. "Anti-ulcer potential of *Lawsonia inermis* L. leaves against gastric ulcers in rats." *Journal of Applied Pharmaceutical Science* 1, no. 2 (2011): 69-72.
- Hossain, Chowdhury Mobaswar, Himangshu Sekhar Maji, and Pranabesh Chakraborty. "Hepatoprotective activity of *Lawsonia inermis* Linn, warm aqueous extract in carbon tetrachloride induced hepatic injury in Wister rats." *Asian J Pharm Clin Res* 4, no. 3 (2011): 106-109.
- Ibn Majah, Muhammad Ibn Yazid al-Qazwayni, *Sunan Ibn Majah*, dalam *al-Mawsu'at al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih Ibn 'Abd al-Aziz Al al-Shaykh, Riyad: Dar al-Salam li Nashr wa al-Tawzi', 2000.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah, "*Perubatan Rasullullah*", (terj.) Nabilah Abd. Jalil, Selangor: Al-Hidayah House of Publishers Sdn. Bhd, (2013).
- Inawati, Syamsudin, and Hendiq Winarno. "Pengaruh Ekstrak Daun Inai (*Lawsonia inermis*

- Linn.) Terhadap Penurunan Kadar Glukosa, Kolesterol Total dan Trigliserida Darah Mencit yang Diinduksi Aloksan.” *Jurnal Kimia Indonesia* 1, no. 2 (2006): 71-77.
- Jasim, Alyaa Sebti. “Evaluation of Antimicrobial activity of flavonoides Extract from *Lawsonia inermis*.” *Misan Journal of Academic Studies* 9, no. 17 (2010): 7-12.
- Al-Mubarakfuri, Muhammad ‘Abd al-Rahman Ibn ‘Abd al-Rahim al-, *Tuhfah al-Ahwazi bi Sharh Jami’ al-Tirmidhi*, t.t.p.: Dar al-Fikr.
- Muhammad Shams al-Haq al-‘Azim Abadi, *Awn al-Ma’bud Sharh Sunan Abu Dawud*, Madinah: Maktabah al-Salafiyyah, t.t.
- Muhammad, H. S., and S. Muhammad. “The use of *Lawsonia inermis* Linn.(henna) in the management of burn wound infections.” *African Journal of Biotechnology* 4, no. 9 (2005): 934-937.
- Musa, A. E., and G. A. Gasmelseed. “Characterization of *Lawsonia inermis* (Henna) as vegetable tanning material.” *Journal of forest products & industries* 1, no. 2 (2012): 35-40.
- Mustaqim Ibn Mohd Najib, “Thibbun Nabawi Perubatan Wahyu Nabi”, t.t.t., *Klinik Muallij Islamiah*, (2010), 53.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya bin Sharif bin Muriy, *al-Minhaj Sharh Sahih Muslim bin al-Hajjaj*, Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, 1392H.
- Ojewunmi, Oyesola O., Tope Oshodi, Omobolanle I. Ogundele, Chijioke Micah, and Sunday Adenekan. “In vitro antioxidant, antihyperglycaemic and antihyperlipidaemic activities of ethanol extract of *Lawsonia inermis* leaves.” *Journal of Pharmaceutical Research International*, (2014): 301-314.
- Rajwar, Sonam, and P. Kantri. “Pharmacognostic & Phytochemical Studies on Various Plant Parts of *Lawsonia inermis* (Henna).” *Asian Journal of Pharmaceutical Sciences and Clinical Research* 1, no. 3 (2011): 22-40.
- Rajwar, Sonam, and Pankaj Khatri. “Diabetic effects of polyherbal formulation of *Lawsonia inermis* and *Azadirachta indica*.” *Journal of Drug Delivery and Therapeutics* 3, no. 2 (2013):45-51.
- Ravishah, S., S. N. Manjula, K. Mruthunjaya, P. Krishnanand, C. K. N. Pramod, R. M. Madhu, J. Sweety, and M. Basirian. “Hepatoprotective activity of roots of *Lawsonia inermis* against paracetamol and antitubercular drugs induced hepatotoxicity in rats.” *Int J Pharm* 2, no. 2 (2012): 306-16.
- Safa al-Dawi Ahmad al-‘Adawi, *Ihda’ al-Dibajah ‘Ala Sunan Ibn Majah*, Maktabah Dar al-Yaqin.
- Sanni, S., I. B. Thilza, M. T. Ahmed, F. S. Sanni, M. Talle, and G. Okwor. “The effect of aqueous leaves extract of henna (*Lawsonia inermis*) in carbon tetrachloride induced

hepatotoxicity in Swiss albino mice.” *Academia arena* 2, no. 6 (2010): 87-89.

Sarojini, Nayak, Chakraborti Chandra Kanti, Sahoo Anulata Manjari, Sah usha Kumari, and Jaiswal Priyanka. “In vitro antibacterial activities of *Lawsonia inermis* leaf extracts.” *International Research Journal of Pharmacy* 3, no. 7 (2012): 195-197.

Shawqi Dif, et. al., *al-Mu’jam al-Wasit*, Jumhuriyyah Misr al-‘Arabiyah: Maktabah al-Shuruk al-Dawliyyah, 201; Ibrahim Md Kur, et. al., *al-Mu’jam al-Wajiz*, Misr: Majma’ al-Lughah al-‘Arabiyah.

Tirmidhi, Muhammad Ibn ‘Isa Ibn Sawrah al-, “Sunan al-Tirmidhi”, dalam *al-Mawsu‘at al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih Ibn ‘Abd al-Aziz Al al-Shaykh, Riyad: Dar al-Salam li Nashr wa al-Tawzi’, 2000

Zohourian, Tayyebah Haleh, Armando T. Quitain, Mitsuru Sasaki, and Motonobu Goto. “Polyphenolic contents and antioxidant activities of *Lawsonia inermis* leaf extracts obtained by microwave-assisted hydrothermal method.” *Journal of Microwave Power and Electromagnetic Energy* 45, no. 4 (2011): 193-204.

“*Lawsonia inermis* L.” Mei 10, 2020. [https://uses.plantnetproject.org/en/Lawsonia_inermis_\(PROTA\)](https://uses.plantnetproject.org/en/Lawsonia_inermis_(PROTA)).

“Pokok Inai- *Lawsonia inermis*” Mei 12, 2020. <http://herba.berita1.com/pokok-inai-lawsonia-inermis>.